

**Perdana Menteri Lakukan Lawatan Sehari Ke Perak Sabtu Ini**  
**Bernama**  
**21 September , 2011**

IPOH, 21 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak akan mengadakan lawatan kerja sehari ke Perak pada Sabtu ini.

Jabatan Penerangan Perak dalam satu kenyataan Rabu berkata Perdana Menteri dijangka tiba di Lapangan Terbang Sultan Azlan Shah di sini pada 9 pagi dan bersama Menteri Besar Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir ke Taman Soon Choon untuk bersarapan dengan penduduk di situ.

Selepas minum pagi, Najib akan ke Mambang Di Awan, Kampar kira-kira 45 kilometer dari sini untuk menghadiri program ramah mesra dengan masyarakat.

Menurut kenyataan itu, Perdana Menteri kemudian ke Tanjung Tualang tidak jauh dari Kampar untuk program 'walkabout' dan merasmikan Karnival Rakyat 1Malaysia.

Najib dan rombongan kemudian akan ke Changkat Tin dekat situ bagi menghadiri jamuan kenduri kahwin Anggota Dewan Undangan Negeri Tualang Sekah Nolee Ashilin Mohd Radzi.

Beliau kemudian dijadual berlepas dengan helikopter ke Sungai Siput bagi melancarkan Program Jalinan Murni Masyarakat Orang Asli Peringkat Kebangsaan di Kampung Orang Asli Bawong.

Selepas pelancaran berkenaan, Perdana Menteri akan menghadiri jamuan Aidilfitri bersama masyarakat Orang Asli sebelum melawat pameran Klinik Bergerak 1Malaysia dan projek baik pulih rumah Nadi Kasih 1Malaysia di Lasah dekat situ.

Perdana Menteri dijadual berlepas pulang ke ibu negara pada 7 petang.

---BERNAMA

Hakcipta© 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsgeneral.php?id=614895>